

21/02/2001

Pas patut beri tempoh penangguhan

KOTA BHARU, Selasa - Pas perlu menyatakan tempoh penangguhan yang diperlukan bagi membuktikan kesediaannya meneruskan pertemuan dengan Umno bagi membincangkan soal perpaduan Melayu.

Sehubungan itu, Umno Kelantan mendesak Pas membuktikan keikhlasan tanpa mengemukakan syarat sebagai alasan mengelakkan pertemuan itu kerana politik.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Rusli Iberahim berkata, tindakan menangguhkan pertemuan itu seolah-olah menunjukkan Pas bimbang pengaruh politiknya terhakis.

Keputusan Pas itu, katanya, lebih memalukan apabila rakyat menunggu hasil pertemuan berkenaan terutama sejauh mana langkah mengukuhkan perpaduan Melayu boleh dilakukan kedua-dua parti.

"Begitupun, Pas mengecewakan rakyat apabila tidak bersedia menzahirkan pertemuan itu.

"Pendekatan Umno dalam menganjurkan pertemuan dengan Pas mengenai perpaduan Melayu menunjukkan kita bersikap terbuka bagi kebaikan orang Melayu yang menjadi tonggak perpaduan rakyat pelbagai kaum," katanya mengulas langkah Umno mengkaji semula syarat Pas terhadap Umno sebelum mengadakan pertemuan itu.

Tiga syarat baru dikemukakan Pas kelmarin ialah mengembalikan royalti minyak yang diberi Kerajaan Pusat kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Berikutan itu, Pas menangguhkan pertemuan dengan Umno dengan memberi alasan mahu mewujudkan suasana pertemuan yang kondusif.

Biro Politik Umno mengarahkan jawatankuasa teknikalnya mengkaji semua syarat Pas bagi pertemuan perpaduan Melayu membabitkan dasar kerajaan.

Bagaimanapun, mesyuarat dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang semalam mahu jawatankuasa teknikalnya meneruskan perbincangan dengan jawatankuasa teknikal Pas.

Melihat syarat dikemukakan Pas, Ahmad Rusli berkata, jelaslah parti itu sengaja mahu mengelakkan pertemuan apabila menyentuh perkara dalam bidang kuasa kerajaan.

Antaranya ialah soal perundangan seperti pendakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim selain mendakwa berlaku kepincangan dalam sistem kehakiman.

Bagaimanapun, beliau menyokong keputusan Presiden Umno supaya jawatankuasa teknikal Umno meneruskan perbincangan dengan jawatankuasa teknikal Pas yang menunjukkan parti itu ikhlas untuk berbincang dengan Pas.

Mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa tujuan Pas menangguhkan pertemuan sebagai mengelakkan dieksploitasi, Ahmad Rusli berkata, itu adalah alasan kerana tidak mahu pertemuan itu menjadi kenyataan.

"Menyebut soal eksploitasi dalam politik, Umno lebih kerap menjadi sasaran Pas menerusi pelbagai tuduhan tidak berasas yang dilemparkan.

"Alasan Nik Abdul Aziz itu hanya jawapan politik. Sepatutnya, apabila Umno berniat baik, Pas perlu melihat dari perspektif yang sama tetapi parti itu awal-awal lagi bersikap buruk sangka dan tidak hairan jika parti itu terus berdolak-dalik untuk mengelak pertemuan," katanya.

(END)